Chua Chin Hau dan satu lagi lwn Pendakwa Raya

MAHKAMAH TINGGI (MUAR) — RAYUAN JENAYAH NO 42–17 TAHUN 2009
AHMADI ASNAWI PK
26 AUGUST 2009

Prosedur Jenayah — Hukuman — Kecukupan hukuman — Tuduhan di bawah s 395 Kanun Keseksaan — Hukuman penjara tujuh tahun dan lima kali sebatan dengan rotan — Prinsip-prinsip hukuman dan faktor-faktor peringanan — Sama ada hukuman yang dikenakan wajar — Sama ada kepentingan awam mengambil keutamaan — Sama ada mahkamah patut campur tangan dengan hukuman oleh hakim bicara

Dalam kes ini, kedua-dua perayu telah disabitkan di bawah s 395 Kanun Keseksaan kerana merompak beg tangan berisi wang tunai berjumlah RM20 milik mangsa, seorang wanita berusia 56 tahun. Kedua-dua perayu telah mengaku salah ke atas pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka. Hakim sesyen telah menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dan dikenakan lima kali sebatan dengan rotan masing-masingnya. Rayuan ini adalah terhadap hukuman yang telah dijatuhkan itu. Fakta-fakta menunjukkan bahawa perayu-perayu masih muda, tidak mempunyai rekod kesalahan lalu serta telah mengaku salah ke atas tuduhan yang dikenakan.

Diputuskan, menolak rayuan:

(1) Kesalahan yang dilakukan oleh kedua-dua perayu adalah kesalahan yang serius. Maka sebanyak manapun atau sebesar manapun atau sekukuh manapun bentuk mitigasi yang diunjurkan, mitigasi itu tidak berupaya serta tidak berkewajaran untuk memberi kelunakan/keringanan ke atas bentuk hukuman yang dijatuhkan (lihat perenggan 6).

(2) Dalam jenayah yang seperti ini kepentingan awam hendaklah sentiasa mengatasi kepentingan peribadi. Maka hukuman yang dikenakan hendaklah mengandungi kedua-dua elemen 'punitative' dan 'deterrence' yang berfungsi untuk menghukum pesalah yang berkenaan dan juga mencegah pesalah-pesalah lain yang mempunyai niat yang sama untuk melakukan, mengulangi atau meniru kesalahan-kesalahan atau jenayah-jenayah yang sama. Hukuman itu juga hendaklah mengambilkira ekspektasi orang awam akan apakah hukuman yang patut dikenakan atas pesalah yang melakukan jenayah seperti ini (lihat perenggan 9).

(3) Hukuman itu hendaklah juga menunjukkan betapa seriusnya kesalahan atau jenayah tersebut serta meninggalkan ingatan bahawa ia adalah tidak berbaloi sama sekali untuk melakukan kesalahan atau jenayah yang seperti itu. Dalam penghakimannya, hakim sesyen yang bijaksana telah mengambilkira kesemua elemen-elemen ini ketika menjatuhkan hukuman terhadap kedua-dua perayu (lihat perenggan 9).

(4) Dalam kes ini, mengambilkira keseluruhan hal keadaan kes serta faktor-faktor yang diperincikan oleh hakim sesyen, mahkamah berpendapat hukuman-hukuman pemenjaraan dan sebatan-sebatan yang dijatuhkan ke atas kedua-dua perayu adalah wajar serta setimpal dengan kesalahan/jenayah yang telah dilakukan oleh kedua-dua mereka (lihat perenggan 11).

[Bahasa Malaysia summary

In this case, both the appellants had been convicted under s 395 of the Penal Code for robbery of a hand bag containing cash of RM20 belonging to the victim, a woman aged 56 years old. Both the appellants pleaded guilty to the charges preferred against them. The sessions court judge imposed a sentence of seven years imprisonment and five strokes of the rattan respectively. This appeal was against the sentences imposed. The facts showed that the appellants were still young, did not have record of previous offences and had pleaded guilty to the charges imposed.

Held, dismissing the appeal:

(1) The offence committed by both the appellants was a serious offence. Thus, no matter how much or big or well the mitigation adduced, it would not enable and was not appropriate to provide leniency to the form of sentence imposed (see para 6).

(2) In this type of crime, the public interest should always outweigh the personal interest. Thus, the sentence imposed should contain both elements of punitative and deterrence which functions to punish the offender and also to deter other offenders with the like intent to commit, repeat or copy the same offences or crimes. The sentence should also take into consideration the public expectation as to what sentence ought to be imposed on the offenders committing the like crimes (see para 9).

(3) The sentence should also reflect the seriousness of the offence or the crime and serve as a warning that it is not worth to commit the offence or crime such as that. In his judgment, the learned sessions court judge had taken into consideration all these elements in imposing the sentence against both the appellants (see para 9).

(4) In this case, taking into account all the circumstances of the case as well as the factors listed down by the sessions court judge, the court was of the view that the sentences of imprisonment and the strokes imposed on both the appellants was appropriate and in line with the offence/crime committed by both the appellants (see para 11).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kecukupan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 3290–3323.

Kes-kes yang dirujuk

Bhandulananda Jayatilake v PP [1982] 1 MLJ 83, MP (dirujuk)
Leong Ka Kong v PP [1976] 2 MLJ 21, MT (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Keseksaan s 395

Perayu mewakili diri sendiri.
Kartini bt Kasran (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Pendakwa Raya) bagi pihak responden.

Ahmadi Asnawi PK:

PENGHAKIMAN

[1] Kedua-dua perayu telah disabitkan di bawah s 395 Kanun Keseksaan kerana merompak beg tangan berisi wang tunai berjumlah RM20 harta milik Puan Jariah bt Ali di tapak Pesta 1, Jalan Bakri Muar pada kira-kira jam 6.15 petang pada 21 Mac 2009. Perayu-perayu telah dihukum penjara tujuh tahun dan dikenakan lima kali sebatan dengan rotan masing-masingnya.

[2] Rayuan ini adalah terhadap hukuman yang telah dijatuhkan itu.

[3] Fakta-fakta kes menunjukkan bahawa pada hari dan waktu yang berkaitan, mangsa seorang wanita berusia 56 tahun sedang dalam perjalanan kembali ke keretanya bersama anak perempuannya selepas selesai membeli belah di tapak pesta berkenaan. Dalam keadaan itu perayu pertama telah meluru dari arah belakang mangsa lalu meragut beg tangan yang dibawa oleh mangsa. Perayu pertama terus lari ke arah rakannya, perayu kedua yang sedang menunggunya di atas motosikal di hujung jalan tapak pesta tersebut dan terus menaiki motosikal tersebut. Dalam percubaan untuk melarikan diri tersebut, motosikal yang dipandu oleh perayu kedua telah terlanggar sebuah motokar dan jatuh. Perayu pertama telah ditangkap oleh orang awam manakala perayu

kedua telah berjaya melarikan diri dengan motosikalnya. Walau bagaimanapun perayu kedua telah berjaya ditangkap di rumahnya keesokan harinya (pada 23 Mac 2009).

[4] Kedua-dua perayu telah mengaku salah ke atas pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka.

[5] Dalam penghakimannya yang panjang lebar dari ms 15–23 RR hakim sesyen yang bijaksana telah menghuraikan faktor-faktor yang diambil kira ketika menjatuhkan hukuman ke atas kedua-dua perayu di atas. Secara ringkasnya, beliau telah mengutamakan bahawa kepentingan awam hendaklah mengatasi kepentingan perayu; kesalahan yang dilakukan oleh kedua-dua perayu adalah satu jenayah yang berat lagi serius yang menuntut hukuman yang sepadan; jenayah jenis ini semakin berleluasa yang mengakibatkan ada mangsa-mangsa mengalami kecederaan yang teruk, koma dan ada juga yang mati; hukuman yang dikenakan adalah untuk menghukum perayu-perayu di samping mencegah pelaku-pelaku lain yang menyimpan niat yang sama dengan perayu-perayu; kehendak Parlimen dicerminkan dalam hukuman yang dijatuhkan; mengambilkira trauma yang dilalui oleh mangsa dan menghuraikan fungsi mahkamah dengan tepat yang memberi keyakinan kepada orang awam bahawa undang-undang wujud di negara ini untuk melindungi warganegaranya dari kerakusan dan kebuasan orang-orang seperti perayu-perayu.

[6] Dari faktor-faktor yang diambil kira oleh hakim sesyen yang bijaksana itu saya berpendapat, beliau telah memakai prinsip-prinsip hukuman yang mantap dan betul dalam menghukum perayu. Fakta-fakta menunjukkan bahawa perayu-perayu masih muda, tidak mempunyai rekod kesalahan lalu serta telah mengaku salah ke atas tuduhan yang dikenakan. Tiada kesangsian bahawa faktor usia, tiada rekod kesalahan lalu dan pengakuan bersalah adalah faktor-faktor yang wajar yang lazimnya diambil kira untuk meringankan hukuman, namun saya berpendapat oleh kerana jenayah yang dilakukan adaiah amat berat, maka sebanyak manapun atau sebesar manapun atau sekukuh manapun bentuk mitigasi yang diunjurkan, mitigasi itu tidak berupaya serta tidak berkewajaran untuk memberi kelunakan/keringanan ke atas bentuk hukuman yang dijatuhkan. Kesalahan yang dilakukan oteh kedua-dua perayu adalah kesalahan yang serius. Maka seharusnya kedua-dua perayu bersedia untuk menerima timbal balas yang juga serius.

[7] Lebih-lebih lagi bila pada hari ini jenayah seperti yang dilakukan oleh kedua-dua perayu semakin berleluasa dan bentuknya menjadi semakin ganas serta tidak berperikemanusiaan dan jauh dari bertimbangrasa. Tiap-tiap hari dilaporkan dalam akhbar-akhbar harian ada saja orang yang menjadi mangsa keganasan dalam jenayah rompak dan ragut seperti ini. Ada yang mati, koma

cedera teruk dan sebagainya. Mahkamah perlu mengambil *judicial notice* serta sensitif akan perkara yang berlaku di sekitarnya dan bersedia untuk memberikan respons yang sewajarnya kepada gejala ini dalam bentuk hukuman yang dikenakan.

[8] Di hadapan saya OKT1 memohon diberi peluang untuk memulakan penghidupan baru, baru berumur 21 tahun, ibu sudah mati, hanya ada ayah dan adik dan hukuman pemenjaraan akan menjejaskan masa hadapannya. OKT 2 pula merayu supaya hukuman dikurangkan, menyara keluarga di mana ayah menghidap sakti jantung, merupakan pesalah pertama serta sudah insaf dan menyesal atas perbuatan-perbuatan lalunya.

[9] Saya berpendapat rayuan kedua-dua pesalah merupakan isu-isu peribadi yang seharusnya difikirkan sebelum kesalahan jenayah tersebut dilakukan. Saya mendapati rayuan perayu-perayu merupakan rayuan-rayuan *afterthought* yang tidak dapat membantu kedua-dua pesalah. Namun isu yang lebih besar ialah dalam jenayah yang seperti ini kepentingan awam hendaklah sentiasa mengatasi kepentingan peribadi. Maka hukuman yang dikenakan hendaklah mengandungi kedua-dua elemen 'punitative' dan 'deterrence' yang berfungsi untuk menghukum pesalah yang berkenaan dan juga mencegah pesalah-pesalah lain yang mempunyai niat yang sama untuk melakukan, mengulangi atau meniru kesalahan-kesalahan atau jenayah-jenayah yang sama. Hukuman itu juga hendaklah mengambilkira ekspektasi orang awam akan apakah hukuman yang patut dikenakan atas pesalah yang melakukan jenayah seperti ini. Hukuman itu hendaklah juga menunjukkan betapa seriusnya kesalahan atau jenayah tersebut serta meninggalkan ingatan bahawa ia adalah tidak berbaloi sama sekali untuk melakukan kesalahan atau jenayah yang seperti itu. Dalam penghakimannya, hakim sesyen yang bijaksana telah mengambilkira kesemua elemen-elemen ini ketika menjatuhkan hukuman terhadap kedua-dua perayu.

[10] Dalam keadaan sebegini di mana hakim yang menjatuhkan hukuman itu tidak khilaf dari sudut pemakaian prinsip-prinsip penghukuman, saya tidak berhasrat untuk campur tangan (intervene) dengan bentuk hukuman yang telah dijatuhkan itu. Mahkamah yang mendengar rayuan berkenaan hukuman yang dijatuhkan tidak akan campur tangan terhadap keputusan hakim yang membicarakan kes berkenaan, melainkan perayu dapat meyakinkan mahkamah bahawa hakim bicara yang menjatuhkan hukuman itu telah khilaf di dalam penggunaan prinsip-prinsip penghukuman atau telah *embarked on some unauthorised or extraneous exercise of discretion* (*Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; *Leong Ka Kong v Public Prosecutor* [1976] 2 MLJ 21; *Bhandulananda Jayatilake v Public Prosecutor* [1982] 1 MLJ 83). Dalam kes di hadapan saya ini, saya berpuashati bahawa kedua-dua perayu telah gagal

untuk menunjukkan di mana hakim sesyen yang bijaksana telah khilaf di dalam penggunaan prinsip-prinsip penghukuman yang digunapakainya.

[11] Dalam kes ini, mengambilkira keseluruhan hal keadaan kes serta faktor-faktor yang diperincikan oleh hakim sesyen yang bijaksana seperti dihuraikan di atas, saya berpendapat hukuman-hukuman pemenjaraan dan sebatan-sebatan yang dijatuhkan ke atas kedua-dua perayu adalah wajar serta setimpal dengan kesalahan/jenayah yang telah dilakukan oleh kedua-dua mereka.

[12] Dengan demikian saya menolak rayuan yang diunjurkan oleh kedua-dua perayu dan seterusnya mengekalkan hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas kedua-dua perayu oleh hakim sesyen yang bijaksana berkenaan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed